



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN AGENSI BIL. 1/2021**

**10 MAC 2021 (RABU)  
10.00 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, MENARA SERI WILAYAH  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Salam Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin,**

## **SALUTASI (AKAN DISERTAKAN SEMASA MAJLIS)**

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

### **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas kebesaran dan keagungan-Nya jua maka kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi mendengar Amanat dan Aspirasi Setahun Wilayah Prihatin.

2. Tanpa kita sedari, rupanya sudah setahun saya berada di Kementerian Wilayah Persekutuan ini. Sesungguhnya majlis pada pagi ini amat penting untuk kita semua bermuhasabah menilai semula sejauhmana pencapaian Kementerian Wilayah Persekutuan, agensi-agensi dan diri kita sendiri sepanjang setahun yang lalu dan berdasarkan penilaian ini boleh kita mencari jalan dan merancang langkah ke hadapan untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat membangunkan Wilayah Persekutuan, memulihkan ekonominya dan memastikan kesejahteraan warganya menjelang fasa-fasa pemulihan dari pandemik COVID-19

3. Jika boleh kita mengimbau kembali pada bulan ini setahun yang lalu, **cabaran paling utama** ketika itu adalah untuk memerangi pandemik COVID-19 dan tindakan-tindakan pencegahan penularannya perlu dilaksanakan secara bersepadu dan efektif melibatkan semua agensi kerajaan di dalam Wilayah Persekutuan.

4. **Cabaran kedua** adalah untuk memastikan maklumat yang tepat berkaitan COVID-19 disampaikan kepada warga Wilayah Persekutuan

supaya setiap tindakan yang diambil oleh kerajaan dapat difahami tidak mencetuskan suasana panik dan mendapat kerjasama dari seluruh warga Wilayah Persekutuan.

5. **Cabaran ketiga** yang tidak kurang pentingnya adalah untuk memastikan golongan yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan diberi bantuan sebaik-baiknya terutama golongan miskin, asnaf, golongan B40 yang kehilangan pendapatan akibat pelaksanaan PKP termasuk mereka yang baru kehilangan pekerjaan dan peniaga-peniaga kecil yang terpaksa menutup perniagaan masing-masing. Pada waktu yang sama, bantuan dan sokongan juga perlu diberikan kepada golongan barisan petugas paling hadapan (frontliners) agar mereka kekal bersemangat untuk berhadapan dengan wabak yang merbahaya ini dan atas pengorbanan mereka mengambil risiko diri dan keluarga bagi memastikan keselamatan kita semua.

6. Bagi menghadapi cabaran ini perkara pertama yang telah dilaksanakan adalah untuk menyelaraskan semua tindakan di bawah **Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri** dan mewujudkan **Pusat Pengurusan Krisis** melibatkan semua agensi-agensi yang berkaitan di dalam Wilayah Persekutuan. Data-data dan maklumat terkini baik berkaitan warga Wilayah yang dijangkiti dan disyaki dijangkiti virus COVID-19 dan maklumat mengenai aduan-aduan rakyat diselaraskan melalui Pusat Pengurusan Krisis yang telah diwujudkan ini. Setiap hari *updates* mengenai situasi terkini dan tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi penguatkuasaan dimaklumkan melalui siaran media dan juga FB *live* Menteri Wilayah Persekutuan sendiri. Selain daripada penyelarasan maklumat dan tindakan melalui Jawatankuasa Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan dalam menghadapi pandemik COVID-19, boleh dikatakan sepanjang setahun yang lalu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melaksanakan pelbagai tindakan dan program yang secara kasarnya boleh dibahagikan kepada **empat segmen utama**. Pertama, **pembelaan kebajikan rakyat**. Kedua, **program menangani kemiskinan bandar**.

**Ketiga, penjanaan dan pemulihan ekonomi dan pembangunan mampan di Wilayah Persekutuan.**

## **PEMBELAAN KEBAJIKAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN**

7. Berdasarkan data dan maklumat yang terkumpul ini, kita telah menyelaraskan dan mepakejkan bantuan-bantuan yang perlu diberikan segera kepada golongan terkesan pandemik COVID-19 dan PKP yang dipakejkan sebagai **Inisiatif Wilayah Cakna (IWC)**. Lebih penting lagi, atas keprihatinan kita semua di dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan, Inisiatif Wilayah Cakna ini telah kita umumkan lebih awal daripada pengumuman kerajaan mengenai **Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat**.

8. Kerajaan sangat menghargai pengorbanan pasukan barisan hadapan di Wilayah Persekutuan. Oleh itu, pihak DBKL dan PPj berbesar hati untuk memberikan elaun khas tambahan sebanyak RM200 kepada pasukan kesihatan dan petugas penguatkuasa yang bertugas dalam operasi COVID-19 di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Dianggarkan seramai 2,000 petugas barisan hadapan di Kuala Lumpur dan 75 petugas barisan hadapan di Putrajaya akan mendapat manfaat ini.

9. Menyedari bahawa lebih ramai warga Wilayah memerlukan bantuan daripada kerajaan, Inisiatif Wilayah Cakna telah kita persembahkan dan pertingkatkan melalui Inisiatif Wilayah Cakna 2.0 dan Inisiatif Wilayah Cakna 3.0, sehinggalah ke Inisiatif Wilayah Cakna 4.0. Melalui Inisiatif Wilayah Cakna 2.0, pelbagai bantuan diberikan khusus untuk warga Wilayah Persekutuan Labuan.

10. Kebajikan kepada mangsa banjir di Wilayah Persekutuan juga tidak dilupakan. Menerusi program bantuan banjir pula, Kementerian telah memberikan bantuan berupa wang tunai dengan melibatkan peruntukan kira-kira RM114,000 bagi 76 orang mangsa banjir di Kampung Baharu. Ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung keluarga mangsa. Kesemua

usaha ini mementingkan kebajikan rakyat yang sentiasa menjadi agenda utama KWP dan sejajar dengan matlamat Inisiatif Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin.

11. Kebajikan rakyat terus dibantu dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma di Kuala Lumpur menerusi **perkhidmatan bas percuma GoKL** dengan kerjasama strategik PRASARANA. Pada tahun 2020, seramai 9.7 juta penumpang direkodkan dengan purata 27,000 orang sehari. Manakala perkhidmatan **bas percuma di Putrajaya** telah **memanfaatkan hampir 200,000** pengguna yang kebanyakannya terdiri daripada penjawat awam di Putrajaya bagi membantu warga Putrajaya mengurangkan beban sara hidup dalam aspek pengangkutan serta memudahkan urusan di Putrajaya.

12. Secara keseluruhannya, Kementerian telah membelanjakan sekitar **RM151.3 juta bagi kesemua Inisiatif Wilayah Cakna** yang memanfaatkan kira-kira **530,000 warga Wilayah Persekutuan**. Ini tidak termasuk segala bantuan yang kerajaan berikan melalui pakej prihatin yang merupakan bantuan tambahan daripada kerajaan yang turut dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan. Kecaknaan dan keprihatinan terhadap warga Wilayah Persekutuan telah kita jadikan satu gagasan yang lebih besar iaitu sebagai konsep **Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin**. adalah untuk menjadikan negeri ini sebuah negeri yang prihatin terhadap rakyat dan alam sekitar, flora dan fauna yang berada di dalam negeri ini melalui sikap, budaya dan pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi

## **PROGRAM MENANGANI KEMISKINAN BANDAR**

13. Di antara golongan yang paling terkesan dengan COVID-19 dan PKP adalah golongan miskin bandar terutamanya golongan **gelandangan kota**. Bukan sahaja keperluan harian mereka terjejas, malah mereka terdedah untuk menjadi mangsa jangkitan COVID-19 dan penyebar virus ini. Usaha awal kita adalah untuk menyelamatkan mereka dan menempatkan mereka

di Pusat Transit Gelandangan termasuk penempatan-penempatan sementara sepanjang PKP. Sehingga Februari 2021, kita telah menyelamatkan seramai **3,326 individu** pernah mendaftar masuk ke **Pusat Transit Gelandangan di Kuala Lumpur**. Daripada bilangan tersebut, 200 orang gelandangan telah menyertai program Pembangunan Modal Insan untuk pepadanan kerja dan program Latihan Industri di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) dan Program Bersama Agensi-Agensi Latihan Kemahiran. Terkini, seramai 23 orang gelandangan terlibat dalam Projek rintis *urban farming* di Taman Desa (Anjung Kelana) untuk mengusahakan tanah lapang di seberang jalan penempatan mereka berkeluasan 1.8 ekar. Penyelesaian terhadap isu gelandangan ini telah kita tangani bukan sahaja dengan menyediakan makanan untuk mereka tetapi berusaha untuk mengubah kehidupan mereka agar mereka boleh meninggalkan kehidupan gelandangan mereka.

14. Kita juga melihat bahawa golongan miskin bandar dan B40 juga berhadapan dengan kesukaran menghadapi kos sara hidup seharian yang membebankan terutama ketika dihimpit masalah pandemik COVID-19. Atas pemerhatian ini, saya berpandangan bahawa ada kemungkinan kita boleh membantu mereka, dalam mengurangkan beban mereka dengan membolehkan mereka membeli barangan keperluan harian pada harga yang lebih murah membantu kos pengangkutan anak mereka ke sekolah dan mengurangkan kos perubatan mereka. Atas kesedaran ini, kita telah mengadakan **Inisiatif MY5** iaitu suatu program *Social Safety Net* bagi meringankan dan membasmi kemiskinan bandar.

15. Program yang terlibat meliputi program **MYFood@Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolbus@Wilayah, MYMedic@Wilayah dan MYJob@Wilayah** merupakan program bersifat menyeluruh iaitu meliputi pemberian bantuan makanan, penyediaan peluang pekerjaan, perkhidmatan perubatan, bas sekolah percuma, penjualan barangan makanan dengan harga yang lebih rendah dari pasaran serta sumbangan beras percuma kepada warga wilayah persekutuan dalam golongan B40 dan miskin bandar.

16. Bagi perkhidmatan bas sekolah, jika dahulu mereka terpaksa membayar lebih kurang RM70 ke RM80 seorang anak bagi menggunakan perkhidmatan bas sekolah, kini dengan **MYSchoolBus@Wilayah** perbelanjaan tersebut dapat dikurangkan dan digunakan untuk keperluan lain. Bagi tahun 2020, seramai **9,704 murid di 67 kawasan perumahan awam kos rendah** telah mendapat manfaat program ini. Dari segi penjagaan kesihatan pula, jika dahulu mereka perlu membayar kos pengangkutan untuk ke klinik kesihatan, tapi kini dengan bagi **MYMedic@Wilayah** hanya perlu mendapatkan perkhidmatan perubatan asas percuma dengan berurusan di van medik yang disediakan di bawah kawasan perumahan mereka. Pada masa ini, tiga **(3) unit van medik** bergerak ke **12 kawasan perumahan kos rendah** secara mingguan.

17. Bagi keperluan barangan harian pula, jika dahulu mereka terpaksa berbelanja lebih kurang RM400 sebulan untuk perbelanjaan barang keperluan harian, kini dengan **MYGrocer@Wilayah** telah mengurangkan perbelanjaan barang basah dan keperluan harian pada harga 5% hingga 20% lebih murah daripada harga di pasar awam. Pada masa ini, trak MyGrocer telah bergerak ke **30 lokasi Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur**. Menerusi **MYJob@Wilayah** pula, ratusan peluang pekerjaan terbuka luas sekali gus memberi manfaat kepada warga kota yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan kerana pandemik COVID-19. Sebanyak **2,544 peluang pekerjaan yang diwujudkan namun pencapaian sebenar menjangkau sehingga 3,259 pekerjaan iaitu 28% lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan**.

18. Kementerian juga komited membantu golongan miskin bandar ini dengan memberi bantuan keperluan harian yang secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung mereka menerusi **MyFood@Wilayah**, berupa bantuan bakul makanan yang berisi keperluan harian yang telah memanfaatkan seramai **32,000 ketua isi rumah di WP Kuala Lumpur**. Usaha ini diteruskan dengan bantuan beras percuma kepada golongan berpendapatan rendah B40 di Wilayah Persekutuan menerusi **MYBeras@Wilayah**. **Sebanyak lebih kurang**

**6,000 kampil beras 5 kilogram diagihkan secara percuma setiap minggu** kepada penduduk dari kumpulan keluarga B40 di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bermula 1 Februari 2021.

19. Secara keseluruhannya, bagi **tahun 2020** sahaja, **lebih 35,000 orang dan ketua isi rumah serta 178 perumahan kos rendah WP Kuala Lumpur** telah menerima bantuan langsung melalui program ini. Pelaksanaan kesemua MY5 ini juga sejajar seruan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu memastikan tiada rakyat tercicir semasa mengumumkan pelan rangsangan ekonomi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Menerusi program menangani kemiskinan ini, KWP juga telah mewujudkan inisiatif menyeluruh untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan penduduk di kawasan Wilayah Persekutuan, merangkumi teras ekonomi, keusahawanan, modal insan, dan prasarana.

## **PERUMAHAN RAKYAT**

Hadirin sekalian,

20. Program menangani kemiskinan turut diberi perhatian dalam aspek memberi kemudahan perumahan kepada rakyat. Sepanjang tahun 2020, seramai 60 orang yang terdiri daripada penyewa miskin tegar dan asnaf yang tinggal di PPR dan Perumahan Awam telah memiliki rumah sendiri menerusi **Rumah Prihatin (Baiti Jannati)** dengan semua rumah yang dipilih akan dibaik pulih terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada pemilik secara percuma. Menerusi **Perumahan Council Home** yang diwujudkan bagi menyediakan unit-unit rumah sewa yang mampu disewa oleh golongan miskin bandar dan golongan belia, sebanyak 2,000 unit sedang dibina dan disasarkan siap di Segambut dan 750 unit di Cheras dalam tempoh 3 tahun.

21. Kita juga telah menyelesaikan projek Razakmas 2 yang tertangguh sejak 10 tahun lalu kepada kira-kira 5,600 penduduk Perumahan Awam (PA) Seri Labuan apabila kumpulan pertama iaitu 395 penduduk telah



menerima surat tawaran Residensi Razakmas 2 baru-baru ini serta bakal memasuki ke rumah baharu. Menerusi inisiatif itu, pemilik unit Flat Sri Labuan berkeluasan 400 kps dan membeli kediaman pada harga RM21,000 hingga RM28,000 seunit memperoleh kediaman baharu di Razakmas 2 berkeluasan 805 kps dengan nilai jualan sekitar RM300,000 secara percuma di Razakmas 2 iaitu 10 kali ganda besar nilainya berbanding rumah asal.

22. Menyedari kepentingan untuk mewujudkan program perumahan yang komprehensif di Wilayah Persekutuan, Kementerian turut melaksanakan projek rumah mampu milik **Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin**. Projek Residensi Wilayah telah membantu hampir 40,000 pembeli rumah yang terdiri daripada golongan M40 untuk memiliki aset. Manakala Residensi Prihatin yang baru saya lancarkan 22 Februari lepas membolehkan golongan muda dan B40 di Wilayah Persekutuan untuk memiliki kediaman yang selesa dengan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera.

## **PENJANAAN DAN PEMULIHAN EKONOMI**

23. Memahami situasi kesukaran hidup rakyat yang semakin ramai hilang pendapatan akibat pandemik COVID-19, selain untuk menjaga kebajikan warga Wilayah Persekutuan, saya juga telah mengumumkan **Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)** bagi memberikan peluang kepada mereka menjana pendapatan alternatif dan meneruskan kelangsungan hidup. Inisiatif yang diumumkan ini bukan sahaja untuk para peniaga bebas berniaga di mana sahaja tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh PBT malah lebih kepada memudahkan proses permohonan lesen berniaga.

24. Menerusi Inisiatif ini, Kementerian telah meluluskan seramai kira-kira 4,000 peniaga dan penjaja di Wilayah Persekutuan dengan memudahkan urusan pemberian lesen berniaga kepada mereka. Paling tular, pada Jun lalu penantian Minah Awang atau **Che Nah** selama 35 tahun untuk

berniaga secara sah berakhir apabila menerima lesen perniagaan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Saya sendiri mengambil keputusan untuk menyerahkan sendiri Lesen Penjaja Beredar itu kepada Che Nah di lokasi dia berniaga di Bukit Damansara.

25. Begitu juga dengan kisah **Mary Mariamah**, ibu tunggal yang menjaja nasi lemak dengan berjalan kaki menolak troli sebelum dibantu Kementerian Wilayah Persekutuan. Bertanggungjawab menjaga ibunya dan tiga orang anak dengan suaminya meninggal dunia akibat serangan jantung, beliau menggalas tanggungjawab menyara keluarganya. Prihatin dengan nasib yang menimpa ibu tunggal ini, saya sekali lagi turun menyerahkan lesen penjaja dan gerai kepada beliau bagi memudahkan urusan perniagaannya. Usaha ini telah memberi manfaat kepada beliau dengan menambah pendapatannya dan paling penting dia mempunyai pekerjaan yang stabil iaitu sebagai peniaga berlesen.

26. Bukan itu sahaja, prihatin dengan nasib seorang peniaga OKU, Mohamad Nor Abdullah atau **Dekk Mat** pada November lalu, saya bersama-sama DBKL turun sendiri menghadiahkan sebuah 'gerai Mary' kepada beliau. Dek Matt cekal mencari rezeki berniaga nasi lemak 'Bujang Dekk's Mat' meskipun tiada kedua-dua tangan namun mampu mencari nafkah sendiri dan bersemangat untuk berdikari. Alhamdulillah, saya dimaklumkan perniagaannya semakin meningkat daripada 10 bungkus dengan untung jualan RM5 sehari meningkat kepada 170 bungkus dengan RM85 sehari. Hasil keuntungannya kini, mencecah kepada RM2500 sebulan. Ini satu pencapaian yang memberi makna yang besar buat mereka kerana ia adalah sumber buat mereka meneruskan kehidupan.

27. Dengan peluang menjana pendapatan menerusi IWBB ini, jika seorang penjaja mempunyai tiga orang dalam keluarganya secara tidak langsung kita telah membantu 15,000 orang warga Wilayah Persekutuan meneruskan kehidupan mereka. IWBB bukan sahaja merangkumi urusan memudahkan lesen perniagaan, malah kita juga memastikan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan berhemah dan mesra pelanggan.

Saya yakin, menerusi peluang ini, selepas peniaga berkenaan stabil, mereka mampu melaksanakan pengurusan diri dan perniagaan lebih formal yang selari dengan undang-undang seperti memohon lesen serta mematuhi peraturan yang ditetapkan PBT. Justeru, program IWBB ini bukan sahaja bantu memulihkan ekonomi peniaga malah kesannya cukup besar kepada mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup.

28. Selain IWBB, kita juga menganjurkan **Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota** terutamanya belia yang cenderung dan mempunyai minat mendalam dalam bidang keusahawanan. Setakat ini kita telah membantu 275 orang usahawan muda menerusi program ini dan akan meneruskan pemberian ruang perniagaan (kiosk) di lokasi strategik di Wilayah Persekutuan kepada 847 warga Wilayah Persekutuan.

29. Kementerian turut membantu aktiviti penjanaan ekonomi kepada warga Wilayah Persekutuan menerusi program pertanian bandar atau urban farming. **Program “Urban Farming”** di Taman Desa atau Anjung Kelana melibatkan 23 gelandangan dengan mengusahakan tanah lapang seluas 1.8 ekar di kawasan penempatan masing-masing. Usaha ini bertujuan bagi membantu golongan miskin bandar termasuk gelandangan agar boleh terus berdikari mencari pendapatan sendiri selain meningkatkan kemahiran dan taraf hidup bagi memperoleh peluang pekerjaan.

## **PEMBANGUNAN MAMPAN**

30. Pada masa ini, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin kualiti hidup warga kota dengan pembangunan yang inklusif dan mampan. Dalam konteks pembangunan mampan, Kementerian Wilayah Persekutuan komited dalam usaha memastikan **kawasan tanah lapang dan hutan simpan kekal sebagai kawasan hijau dan rekreasi** untuk kegunaan orang awam khususnya warga Wilayah Persekutuan. **2068.30 hektar kawasan lapang di WP Kuala Lumpur.** Dari keluasan tersebut, **966.05 hektar tanah telah diwartakan** manakala 1033.99 hektar tanah lapang berpotensi dan akan diwartakan seperti yang digazetkan

dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. **1930 hektar kawasan lapang di WP Putrajaya** telah diwartakan sebagai kawasan hijau dan rekreasi. Manakala **29.86 hektar kawasan lapang di WP Labuan** juga telah **diwartakan** kawasan hijau dan rekreasi bagi kegunaan warga Labuan. Menerusi pewartaan kawasan lapang ini, ia dapat mewujudkan kawasan hijau dan rekreasi bagi tujuan riadah warga kota.

31. Usaha berterusan untuk memastikan pengindahan kawasan hijau di ibu negara diteruskan dengan program pengindahan di **Taman Bukit Kiara dan Taman Tasik Titiwangsa** yang kini mempunyai pelbagai tarikan baru untuk beriadah seisi keluarga. Saya memberi komitmen kepada Kementerian untuk menanam lebih banyak pokok dan konsep taman ini akan disesuaikan untuk memberi keselesaan kepada warga kota. Kementerian juga akan meneruskan projek **Taman Tugu** dalam usaha memelihara, mengaktifkan dan menghubungkan taman hutan seluas 26.7 hektar di tengah bandar raya ini bagi mengangkat ibu kota ini di persada dunia dalam menjana semua kawasan hutan sekunder sekitar Tugu Negara.

32. Sepanjang tahun lepas, sebanyak **36 projek pembangunan** telah diberikan kelulusan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu satu angka yang besar bagi sebuah Kementerian yang menjaga 3 wilayah. Ini adalah pencapaian Kementerian amat membanggakan dengan nilai (GDV) kepada Wilayah Persekutuan dianggarkan bernilai RM35.9 bilion. Kelulusan bagi pelaksanaan projek pembangunan ini akan membolehkan kerja pembinaan tergendala akibat kesan COVID-19 dapat dimulakan secepat mungkin bagi merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan selain dapat membantu untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga yang terjejas.

## **MELANGKAH KE HADAPAN**

Hadirin sekalian,

33. Setelah mengharungi segala cabaran sepanjang tahun 2020, Kementerian bertekad untuk melangkah ke hadapan dengan lebih rancak pada tahun 2021 demi kesejahteraan rakyat. Saya sedar walaupun Kerajaan telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat, khususnya semasa pandemik COVID-19, masih ramai lagi yang menanggung kesusahan, dan tidak kurang juga yang mengalami kehilangan punca pendapatan dan jatuh miskin selain ramai usahawan menghadapi kesukaran untuk meneruskan perniagaan. Insya-Allah kita akan terus melaksanakan lebih banyak lagi inisiatif-inisiatif untuk warga Wilayah Persekutuan terutamanya usaha untuk memulihkan lagi ekonomi serta menambah peluang pendapatan dan pekerjaan warga Wilayah Persekutuan.

## **KEMISKINAN BANDAR & KEBAJIKAN RAKYAT**

34. Dalam menghadapi fasa-fasa pemulihan COVID-19 program MY5@Wilayah akan diperluaskan dan diperkukuhkan untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat di Wilayah Persekutuan. Ia meliputi:

- i. MYFood@Wilayah akan diteruskan secara kerjasama dengan syarikat swasta dan NGO bertujuan mengurangkan kos sara hidup di kawasan perumahan kos rendah;
- ii. MYGrocer@Wilayah akan diperluaskan dengan sasaran bilangan pasar bergerak sebanyak 20 trak di 178 lokasi PPR/PA;
- iii. MYSchoolBus@Wilayah akan diperluaskan ke 154 kawasan perumahan awam dan swasta kos rendah. Ini akan memanfaatkan lebih kurang 10,000 orang murid menerusi program ini;

- iv. MYMedic@Wilayah diperluaskan dengan 2 sesi/ minggu/ lokasi dengan jumlah van ditambah menjadi 10 buah van di 20 kawasan PPR/PA; dan
- v. MYJobs@Wilayah diperluaskan dengan sasaran peluang pekerjaan sebanyak 2,000 perjawatan.

35. Atas kesedaran bahawa, COVID-19 telah menyebabkan ramai rakyat Malaysia terpaksa bekerja dan belajar dari rumah masing-masing secara dalam talian, saya ingin mengumumkan satu lagi inisiatif baharu diperkenalkan iaitu Perkhidmatan Internet Percuma di kawasan PPR/PA DBKL atau **MYWifi@Wilayah**. Di bawah inisiatif ini, syarikat-syarikat telekomunikasi terlibat adalah Celcom, Maxis, U Mobile dan Telekom Malaysia akan menawarkan capaian Internet secara percuma di 48 kawasan perumahan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sehingga 30 April 2021 dengan kelajuan purata capaian 30 Mbps.

36. Usaha meringankan beban sara hidup rakyat akan diteruskan dengan memperluaskan **perkhidmatan bas percuma GoKL** bagi tahun 2021 dengan melancarkan dua lagi laluan baru yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM3.4 juta setahun tertakluk kepada persetujuan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Prasarana. Di Putrajaya, perkhidmatan bas percuma Nadi Putra melibatkan 12 laluan juga diteruskan dan mensasarkan peningkatan 50 peratus pertambahan penumpang pada tahun 2021.

37. Program perumahan rakyat akan dipertingkatkan bagi membantu lebih banyak peringkat masyarakat melalui program **Perumahan Council Home**. Kementerian mensasarkan 20,000 unit dalam tempoh 10 tahun akan datang. Kementerian juga mensasarkan pemberian sebanyak **250 buah Rumah Wilayah Prihatin** untuk tempoh **lima tahun** kepada golongan asnaf terpilih memiliki rumah, sebanyak **40,000 projek** untuk golongan B40 untuk memastikan lebih ramai golongan muda memiliki kediaman selesa, sebanyak **12,253 unit Residensi Prihatin** akan

dibangunkan dengan melibatkan 10 tapak projek pembangunan di Putrajaya membabitkan kawasan strategik di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 dan dijangka siap sepenuhnya hingga tahun 2025.

## **PENJANAAN EKONOMI**

38. Kementerian komited memperluaskan aktiviti penjanaan dan pemulihan ekonomi menerusi IWBB. Bertitik tolak kisah kejayaan para peniaga dan penjaja Wilayah Persekutuan yang mampu menjana pendapatan selepas hilang pendapatan disebabkan PKP dan COVID-19, baru-baru ini, saya berbesar hati untuk **melanjutkan tempoh IWBB ini sehingga 31 Julai 2021**. Bagi memastikan penjanaan ekonomi anak muda pula, saya mensasarkan untuk melahirkan seramai 1,122 usahawan menerusi Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan dalam tempoh dua tahun akan datang.

39. Bagi memastikan penjanaan ekonomi di ibu negara, kita menyasarkan, pertanian bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dilaksanakan di 49 lokasi dengan keluasan 66.378 ekar; Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan 19 lokasi dengan keluasan 14.87 ekar dan satu cadangan **projek Mega Urban Farming seluas 26 ekar di Persint 20, Putrajaya** dan Wilayah Persekutuan Labuan - 3 lokasi dengan keluasan seluas 2.7 ekar. Seluas 67 -ekar di 52 lokasi baharu dan 21 lokasi sedia ada bawah program Mampan Sejahtera DBKL telah dikenal pasti bagi pelaksanaan program tersebut. Antara lokasi baharu termasuk di Perumahan Awam Seri Sarawak, PPR Kerinchi, PPR Batu Muda dan Kampung Malaysia Raya.

40. Pelancongan adalah salah satu bidang ekonomi yang ingin diberikan perhatian selepas ini. Di Putrajaya misalnya. Kita ingin menambah produk-produk pelancongan yang berdaya maju agar pelancong yang datang ke Putrajaya bukan sahaja menikmati pemandangan yang indah tetapi kita mahu mereka meluangkan lebih banyak masa menginap di Putrajaya dan berbelanja di Putrajaya sepanjang beberapa hari mereka tinggal di sana. Usaha membangunkan **Soccer City** dan **Perkampungan Al-Quran** serta

usaha menjadikan Putrajaya bandar rekreasi boleh menjadikan Putrajaya salah satu destinasi pelancongan yang dapat menjana ekonomi dan pendapatan warganya. Kawasan di sekitar Presint 4 dan kawasan Wetland akan dibangunkan menjadi kawasan rekreasi utama dilengkapi kemudahan *camping*, *climbing* dan *abseilling* dan tapak perkarangan yang memberikan tarikan kepada pelbagai golongan remaja dan yang berkeluarga.

41. Di Labuan pembinaan **Jambatan Labuan – Sabah** yang dijangka akan dimulakan pada April 2022 bakal menjadi pemangkin kepada kegiatan ekonomi termasuk pelancongan. Ia akan membuka peluang ekonomi yang lebih besar kepada rakyat Labuan dan menjana lebih banyak pekerjaan untuk warga Labuan.

42. Untuk meningkatkan lagi nilai hartanah, pelaburan dan kegiatan ekonomi di Kampung Bharu, kementerian komited untuk membangunkannya menggunakan pendekatan yang lebih realistik. Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040 telah dirangka dan membolehkan Kampung Bharu dibangunkan secara lebih praktikal dan organik bagi manfaat pemilik tanah, pemaju dan pelabur untuk tempoh 20 tahun akan datang.

## **PEMBANGUNAN MAMPAN**

43. Pembangunan mampan di Wilayah Persekutuan terus diperkasa menerusi **Program Penanaman Pokok 1 juta di Wilayah Persekutuan** dengan konsep Hutan Berbunga Dalam Bandar (Flowering Forest in The City) akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Bagi fasa satu sebanyak 300 pokok pelbagai spesies akan ditanam di tujuh (7) kawasan tasik iaitu di Taman Tasik Metropolitan Kepong, Taman Tasik Baiduri, Kolam 99, Kolam Seri Murni, Kolam Taman Wahyu, Kolam Taman Tasik Metropolitan Batu dan Tasik Takungan Banjir Batu. Manakala bagi pelaksanaan fasa kedua pula sebanyak 700 ribu batang pokok akan di tanam di kawasan taman -taman awam, kawasan tasik, kawasan lombong, rizab jalan dan rizab sungai di sekitar Wilayah Persekutuan.



44. Kita juga meneruskan projek **River of Life (ROL)** yang bukan sahaja memberi impak kepada pembangunan di sekitar Kuala Lumpur malah mampu meningkatkan industri pelancongan ibu kota negara dengan memastikan kebersihan sungai di ibu kota di tahap yang optimum. Meskipun pada masa ini kerja-kerja pengindahan masih diteruskan disebabkan terhenti akibat pelaksanaan PKP, kita patut berbangga kerana **ROL** masih tersenarai sebagai **10 kawasan pesisir air (waterfront) terbaik dan tercantik di dunia** oleh sebuah portal berita United Kingdom iaitu Independent pada tahun 2019. Projek ini berhasil mengangkat status KL setaraf dengan bandar raya terkemuka seperti Tokyo, Berlin, Florida, New York yang mempunyai waterfront indah dan menjadi tarikan pelancongan negara tersebut.

45. Bagi projek-projek pembangunan untuk menjana ekonomi Wilayah Persekutuan, kita juga telah melancarkan **Pelan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur (urban renewal)** sebagai panduan dan memudahkan proses pembangunan semula rumah-rumah usang. Sebagai langkah awal, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti 30 kawasan perumahan awam dan swasta yang telah uzur yang melebihi 40 tahun dan tidak selamat didiami untuk cadangan pembangunan semula dan pemilikan aset yang lebih moden serta lengkap bagi kemudahan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

46. Ke arah mencapai bandar berdaya huni, mampan dan pintar menjelang 2030, Kementerian akan melancarkan Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (**MySmart Wilayah**) bagi merangka dan memandu arah perancangan dan pembangunan melalui penerapan teknologi digital di Wilayah Persekutuan agar warga Wilayah Persekutuan lebih selesa dan kondusif.

## PENUTUP

Hadirin sekalian,

47. Sepanjang perjalanan saya menerajui kementerian ini, kita telah berjaya meraih pencapaian, hala tuju dan strategi penting KWP. *Please be with me on this.* Segala keputusan yang saya ambil perlu dokongan anda semua dan saya mahukan warga KWP untuk bergerak dengan pantas dalam menjalankan segala agenda Kementerian yang telah kita gerakkan bersama. Sekarang, kita bukan sahaja *walk the talk* tetapi kita perlu berlari dalam mengecapi matlamat yang saya telah sebutkan tadi. *I want everyone to have the sense of belonging* kerana Kementerian ini adalah milik kita semua.

48. Kementerian akan berikhtiar habis-habisan membela warga Wilayah Persekutuan, terutama golongan berpendapatan rendah, miskin bandar dan jatuh miskin. Saya penuh yakin, semua agensi di bawah Kementerian dan kolaborasi dengan korporat serta sokongan pengamal media, kita berkeupayaan tinggi dalam membantu golongan rentan bagi membantu mereka yang terkesan sepanjang menghadapi pandemik COVID-19 ini. Marilah kita bersama-sama berganding bahu membantu warga Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan mereka.

49. Akhir kalam, dengan iltizam untuk terus berusaha gigih, saya ingin memetik kata-kata **HAMKA: “Jangan takut GAGAL kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah.”**

Sekian, Wabillahitaufik, Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.